

REFLEKSI WEBINAR: DEKOLONISASI

AHMAD NAZRAN BIN YUSRI | A20EC0179 | SECTION 78

Pertamanya, webinar wacana dekolonisasi intelektual ini secara langsung sudah banyak mengajar saya tentang apa itu kolonisasi, dekolonisasi dan juga neokolonisasi. Ahli panel yang terdiri daripada dua cendekiawan iaitu Prof. Dr. Kamaruzaman bin Yusoff, Dr. Nasruddin bin Yunus dan moderator yang licik lagi bijaksana iaitu Dr. Nur Najwa Hanani binti Abd Rahman telah mengupas topik ini secara menyeluruh dan merangkumi segala aspek. Antara tujuan webinar ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada pelajar-pelajar tentang apa itu dekolonisasi. Selain itu, webinar ini dijadikan satu platform sebagai persediaan kepada pelajar dalam menyediakan mental serta fizikal masing-masing dalam memahami isu-isu dekolonisasi yang berlaku sama ada di luar negara atau tanah air kita sendiri.

Mengikut Prof. Dr. Kamaruzaman bin Yusoff, beliau menakrifkan kolonisasi sebagai suatu idea yang dilakukan oleh penjajah merujuk kepada beberapa ideologi yang dianggap penting pada ketika itu. Misalnya, ideologi ‘The White Man’s Burden’, iaitu tanggungjawab orang putih untuk memodenkan mereka yang tidak berkulit putih yang juga pada ketika itu dianggap masih tidak bertamadun berbanding mereka. Kolonisasi ini sering dikaitkan dengan usaha untuk mendapatkan sumber asli bagi memenuhi keperluan revolusi negara mereka seperti kapas, bijih timah serta besi. Bukan itu sahaja, kolonisasi juga merupakan usaha penjajah untuk mendapatkan keperluan tenaga manusia melalui perhambaan dan juga pekerja yang dibayar dengan upah murah.

Seterusnya, saya juga mempelajari apa itu erti dekolonisasi di dalam webinar ini. Dekolonisasi ini secara sahnya berlaku selepas perang dunia yang pertama. Dekolonisasi ini juga berlaku dalam dua bentuk iaitu secara rundingan dan secara peperangan menentang penjajah. Beberapa negara yang mengalami dekolonisasi adalah Malaysia, Indonesia, Amerika Selatan dan Afrika – dekolonisasi tersebut dilakukan oleh agamawan dan juga nasionalis tempatan. Walau bagaimanapun, apakah yang menjadi punca rakyat asal sesebuah negara itu menyerang penjajahnya? Mereka mendapati penjajah tersebut membawa pulang separuh dari hasil bumi mereka. Mereka juga merasakan keperluan untuk negara mereka dikawal oleh pendudukan sendiri serta untuk menegakkan keadilan. Sebagai contoh, di Afrika Selatan walaupun sudah berlaku kemerdekaan, tetapi keadilan dan penduduk tempatan tidak diberikan hak yang sepatutnya.

Dekolonisasi ini berlaku dalam beberapa proses, pada mulanya penduduk tempatan akan mengambil semula kuasa autonomi terhadap pemerintahan mereka, mendapatkan pembebasan dari segi ekonomi dan politik, memastikan keadilan berada di tempatnya, pendidikan digubal semula berdasarkan budaya negara yang merdeka itu, menyesuaikan undang-undang yang sedia ada, menjaga sempadan dan wilayah dengan rapi dan akhir sekali mengawal semula ekonomi negara mereka.

Selain dekolonisasi secara fizikal, terdapat satu lagi bentuk dekolonisasi iaitu dekolonisasi pemikiran. Menurut Dr. Nasruddin bin Yunus, dekolonisasi pemikiran bermaksud membebaskan pemikiran kita daripada pengaruh penjajah ataupun membebaskan diri daripada penjajahan epistemologi – penjajahan cara kita berfikir. Antara aspek utama dekolonisasi pemikiran ini adalah kita perlu menjuangkan bahasa tanah air kita sendiri. Di samping itu, kita sewajarnya memperjuangkan budaya sendiri dan janganlah terlalu terikut-ikut dengan budaya barat. Jika kita sering mengikut budaya barat, maka budaya kita sendiri akan hilang ditelan zaman. Kita juga semestinya membebaskan pemikiran kita daripada nilai-nilai sekular. Contohnya, di Malaysia kini sudah ramai yang tidak beragama dan nilai-nilai beragama itu akan pupus jika momentum sebegini berterusan. Kolonisasi pemikiran inilah yang menyebabkan kita kurang mempraktikkan agama sendiri kerana minda dan cara kita berfikir sudah dipengaruhi oleh fahaman yang dibawa oleh penjajah. Dalam mengatasi kolonisasi pemikiran ini, kita digalakkan untuk mengubah cara kita berfikir dan rakyat sesebuah negara itu hendaklah mengukuhkan jati diri masing-masing.

Neokolonisasi pula merupakan satu jajahan bentuk moden dimana jajahan ini dapat dilihat apabila penjajah menguasai ekonomi, teknologi dan juga keselamatan. Penjajah juga membawa masuk cara-cara mereka yang dianggap paling relevan dan perlu ada untuk mengatasi sesuatu masalah ke dalam negara kita, cara-cara ini kononnya ingin membantu negara yang sedang membangun seperti negara Malaysia. Kesan daripada neokolonisasi ini, ekonomi negara kita masih bebas tetapi sebenarnya dikongkong oleh pihak luar. Saya juga mempelajari bahawa terdapat pelbagai perkara yang sudah dilakukan oleh pelbagai pihak demi membangkitkan jati diri rakyat Malaysia. Antaranya, pihak Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional berusaha memberikan jati diri kepada rakyat Malaysia melalui slogan “Perpaduan dalam Kepelbagaian”. Manakala masyarakat pula haruslah menghayati dasar-dasar yang telah dicipta oleh kerajaan untuk meningkatkan jati diri kita sebagai rakyat Malaysia.

Sebagai seorang pelajar, kita juga boleh menyumbang dalam konteks pembangunan negara mengikut acuan negara sendiri melalui belajar secara berterusan sama ada secara formal ataupun tidak formal serta bersedia untuk menjadi pakar dalam bidang yang diceburi masing-masing. Kita juga sebagai pelajar haruslah bersedia untuk bekerjasama, berlapang dada dan bertoleransi dengan rakyat Malaysia agar tidak timbul sifat perkauman dan hubungan di antara masyarakat menjadi lebih erat. Pada masa yang sama, kita perlu tahu, faham dan mengaku bahawa kita dijajah dari segi epistemologi dan dari situ kita mula mengambil tindakan untuk membangun dan mengubah persepsi tersebut. Akhir sekali, kita hendaklah sentiasa memupuk rasa bangga dengan acuan negara sendiri seperti budaya, rasa kekitaan dan nilai yang ada di dalam masyarakat kita. Konklusinya, webinar ini sangat membantu kami pelajar dalam mendalami apa itu kolonisasi, dekolonisasi, neokolonisasi dan banyak lagi.